Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–59 TAHUN 1999
AUGUSTINE PAUL H
30 JUN 2000

Acara Jenayah — Hukuman — Prinsip-prinsip hukuman — Kesalahan pertama tertuduh — Kesan pengakuan bersalah — Unsur-unsur keganasan dalam kes — Kesalahan yang serius — Kanun Keseksaan s 304(a)

Tertuduh telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dan telah membuat pengakuan bersalah. Menurut fakta, tertuduh bersama dengan seorang yang lain telah memecah masuk ke dalam sebuah rumah dan kemudian telah menikam si mati dengan sebilah pisau semasa pergelutan berlaku. Di dalam rayuan untuk meringankan hukuman ke atasnya, tertuduh telah memberitahu mahkamah bahawa beliau berumur 28 tahun dan ini adalah kesalahan beliau yang pertama dan beliau telah insaf. Beliau mengatakan bahawa beliau telah dipaksa oleh rakannya untuk turut serta melakukan pecah rumah untuk melangsaikan hutangnya. Tertuduh juga telah memaklumkan bahawa semasa pertengkaran berlaku, beliau telah diserang dan telah mengalami kecederaan.

Diputuskan:

(1) Hukuman yang dijatuhkan mestilah mencakupi ruang lingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang sedia ada. Faktor kepentingan awam merupakan salah satu faktor utama yang diambilkira di dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah (lihat ms 625F–G). Selain dari faktor kepentingan awam, mahkamah juga turut mengambil kira beberapa faktor lain seperti pengakuan salah tertuduh dan rayuan untuk meringankan hukuman (lihat ms 626D). Pengakuan salah hanya boleh memihak kepada tertuduh apabila lain-lain faktor dan keadaan di mana sesuatu kesalahan itu dilakukan mengizinkan pertimbangan sedemikian. Tidak ada peraturan yang menyatakan sesuatu pengakuan salah itu akan secara automatik membolehkan tertuduh mendapat hukuman yang lebih ringan (lihat ms 626F–G).

(2) Tertuduh telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda. Kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh adalah serius. Mahkamah mendapati wujud unsur-unsur kekerasan dan keganasan di dalam kejadian ini. Tindakan tertuduh mengikat penghuni rumah tersebut merupakan satu tindakan yang menjadi faktor yang tidak boleh dipandang ringan. Juga tiada keterangan menunjukkan mangsa telah bertindak ganas atau menggunakan kekerasan ke atas tertuduh untuk membolehkan tertuduh bertindak sedemikian rupa. Mahkamah

berpendapat satu hukuman penjara yang 'deterrent' patut dikenakan ke atas tertuduh. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh tangkap ke atas tertuduh (lihat ms 627A–D).

[English summary

The accused was charged under s 304(a) of the Penal Code and had pleaded guilty. According to the facts, the accused and another person had illegally entered a house and subsequently, during a struggle, stabbed the deceased with a knife. In his plea of mitigation, the accused had informed the court that he was 28 years of age, this was his first offence and he had repented. He alleged that his friend had coerced him to participate and break into the house in order to clear his debt. The accused alleged that during the fight, he was attacked and sustained injuries.

Held:

(1) The sentence imposed must be encompassed by the scope of the section that stipulates the punishment as well as the principles of existing law. Public interest is one of the primary factors taken into consideration when sentencing an offender (see p 625F–G). Apart from the public interest factor, the court also took several other factors into account such as the accused's plea of guilt and his plea of mitigation (see p 626D). This plea of guilt could only work in the accused's favour when all other factors and the circumstances in which such an offence had been committed permitted such consideration. There was no rule that stated a plea of guilt would automatically accord the accused a lighter sentence (see p 626F–G).

(2) The accused was charged under s 304(a) of the Penal Code, which carries a term of imprisonment up to 20 years and is also punishable with a fine. The offence he had committed was serious. The court found elements of force and violence in the incident. The accused's act of tying the occupant could not be viewed lightly. There was also no evidence indicating the victim was aggressive or had used force on the accused to induce the accused to act as he had. The court was of the view a deterrent sentence of imprisonment ought to be imposed on the accused. Based on these factors, the court sentenced the accused to 15 years' imprisonment from the date of arrest (see p 627A–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai prinsip-prinsip hukuman, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 2904–2971.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)
New Tuck Shen v PP [1982] 1 MLJ 27 (dirujuk)
PP v Darmalingam [1987] 2 MLJ 519 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Tia Ah Leng [2000] 5 MLJ 401 (dirujuk)
R v Ball 35 Cr App R 164 (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App R 74 (dirujuk)
Sharon Elizabeth Costen (1989) 11 Cr App R (S) CA 182 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 304(a)

Rayuan daripada: Kes Tangkap No C81–17 Tahun 1999 (Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur)

Azhar bin Abdul Hamid (*Lukman bin Zainuddin* bersama beliau) bagi pihak Pendakwa Raya.

Gobind Singh Deo (*Karpal Singh & Co*) bagi pihak tertuduh.

Augustine Paul H: Tertuduh dalam kes ini, Ooi Kwang Lai, pada mulanya telah dituduh bersama-sama seorang lagi yang masih bebas melakukan kesalahan menyebabkan kematian kepada penama Lim Aik Lam, dengan menggunakan pisau, yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Namum demikian, pihak pendakwa telah mengemukakan pertuduhan pindaan pada 8 Mei 2000 kepada kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2 Mei 1999, jam lebih kurang 4.55 petang, bersama-sama dengan seorang lagi yang masih bebas, di dalam sebuah rumah No C2–3–3 Desa Pandan, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menyebabkan kematian Lim Aik Lam (L) KP: 501223–10–5877 iaitu dengan mendatangkan bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian Lim Aik Lam itu dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama.

Tertuduh telah membuat pengakuan bersalah kepada pertuduhan pindaan ini dan memahami sifat dan akibat pengakuan beliau.

Fakta ringkas kes adalah seperti yang dikemukakan oleh pihak pendakwa di dalam eks P1. Pada 2 Mei 1999, jam lebih kurang 3.00 petang, tertuduh bersama seorang rakannya yang masih bebas telah pergi ke rumah Blok C2–3–3 Desa Pandan, Cheras, Kuala Lumpur dengan niat untuk memecah masuk ke dalam rumah tersebut. Selepas menggeledah rumah tersebut tertuduh bersama rakannya telah memutuskan untuk menunggu penghuni rumah tersebut dengan tujuan untuk menyamun mereka. Apabila penghuni rumah tersebut iaitu Tan Ling Sam dan Foo Ai Woon balik, tertuduh dan rakannya telah bersembunyi di dalam bilik tidur. Sebaik sahaja kedua-dua mereka sampai, telefon telah berbunyi dan dijawab oleh Foo Ai Woon manakala Tan Ling Sam pula masuk ke bilik tidur utama.

Sebaik sahaja Tang Ling Sam masuk ke bilik tidur utama, tertuduh terus memegangnya dan menutup mulutnya. Tertuduh kemudiannya telah mengikat Tan Ling Sam. Manakala rakan tertuduh pula telah keluar dan menutup mulut Foo Ai Woon serta mengikatnya. Pada jam lebih kurang 4.50 petang, si mati (Lim Aik Lam) bersama dua orang rakannya telah datang ke rumah tersebut. Sebaik sahaja si mati dan rakannya masuk ke dalam rumah tersebut, telah berlaku pertengkaran di antara mereka yang berlarutan sehingga berlaku pergelutan. Ketika pergelutan tersebut, tertuduh telah menikam si mati dengan sebilah pisau. Keputusan bedah siasat yang dijalankan ke atas mayat si mati menunjukkan sebab kematian adalah 'Hemothorax due to stab wound to the heart' (seperti yang terkandung di dalam laporan bedah siasat — eks P2). Hasil siasatan menunjukkan tindakan tertuduh menikam si mati telah mendatangkan bencana tubuh yang menyebabkan kematian si mati. Fakta kes ini telah diakui benar oleh tertuduh dan saya menerima pengakuan salah ini.

Dalam rayuan untuk meringankan hukuman ke atasnya, tertuduh telah memberitahu mahkamah bahawa beliau berumur 28 tahun dan ini adalah kesalahan pertama beliau. Semasa kejadian, tertuduh bekerja sebagai pemandu. Tertuduh juga telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau ada berhutang dengan rakannya yang masih bebas itu. Beliau telah dipaksa oleh rakannya itu untuk turut serta melakukan pecah rumah ini untuk melangsaikan hutangnya. Pada mulanya tertuduh memberitahu beliau hanya berperanan untuk mengawasi keadaan sahaja. Namun demikian, apabila kedua-dua penghuni rumah itu balik, tertuduh telah panik dan cuba melarikan diri. Tertuduh juga telah memaklumkan semasa pertengkaran berlaku, beliau telah diserang dan telah mengalami kecederaan. Tertuduh juga memberitahu mahkamah bahawa beliau kini telah insaf dan sedang kuat mempelajari hal-hal keagamaan.

Di dalam menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh, saya telah mengambil kira beberapa faktor untuk memastikan agar hukuman yang saya jatuhkan mestilah mencakupi ruang lingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang sedia ada. Faktor kepentingan awam merupakan salah satu faktor utama yang diambil kira di dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Hilbery J di dalam kes *R v Ball* 35 Cr App R 164 telah menekankan di dalam penghakiman beliau mengenai betapa pentingnya mengambil kira faktor kepentingan awam di dalam menjatuhkan hukuman. Pandangan oleh Hilbery J ini telah diikuti oleh mahkamah kita di dalam beberapa kes (sila lihat *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *PP v Darmalingam* [1987] 2 MLJ 519; *PP v Tia Ah Leng* [2000] 5 MLJ 401). Kepentingan awam menghendaki agar hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja boleh menjadi pengajaran kepada tertuduh dan mencegah beliau dari melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan tetapi juga untuk mencegah lain-lain anggota masyarakat dari melakukan kesalahan yang serupa. Walaupun demikian faktor ini adalah bergantung kepada keadaan sesuatu kes itu. Wan Yahya H (seperti beliau pada masa itu) di dalam kes *New Tuck Shen v PP* [1982] 1 MLJ 27 telah menjelaskan seperti berikut di ms 30–31:

> ... Public interest varies according to time, place and circumstances of each case including its nature and prevalence. What may be of public interest in one place may differ from another. Similarly, inducement to turn from criminal ways into honest living can take several forms and will have to depend to a greater extent on the attitude of the offender and his suitability for any particular type of reformation.

Satu lagi aspek kepentingan awam ialah prinsip 'retribution'. Lord Lawton di dalam kes *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App R 74 telah merujuk kepada prinsip klasik 'retribution' di dalam menjatuhkan hukuman. Menurut Lord Lawton di ms 77:

> The Old Testament concept of an eye for an eye and tooth for tooth no longer plays any part in our criminal law. There is, however, another aspect of retribution which is frequently overlooked: it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime, and the only way in which the courts can show this is by the sentences they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

Selain dari faktor kepentingan awam, saya juga turut mengambil kira beberapa faktor lain seperti pengakuan salah tertuduh dan rayuan untuk ringankan hukuman. Pengakuan salah tertuduh merupakan satu faktor yang lazimnya diambil kira oleh mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. Telah menjadi prinsip undang-undang yang diterima pakai bahawa pengakuan salah adalah merupakan satu faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. Tertuduh seharusnya diberi diskaun kerana pengakuan salahnya telah menjimatkan masa dan kos. Mohamed Azmi HMA di dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 di ms 171 telah menyatakan:

> ... It is generally accepted that the extent of the reduction on account of a plea of guilty would be between one-quarter and one-third of what otherwise would have been the sentence.

Walaupun demikian, diskaun untuk pengakuan salah ini hanyalah merupakan satu kenyataan bersifat peraturan yang umum sahaja dan bukannya satu kemestian untuk semua kes. Pengakuan salah ini hanya boleh memihak kepada tertuduh apabila lain-lain faktor dan keadaan di mana sesuatu kesalahan itu dilakukan mengizinkan pertimbangan sedemikian diberikan kepada tertuduh. Tidak ada peraturan yang menyatakan sesuatu pengakuan salah itu akan secara automatik membolehkan tertuduh mendapat hukuman yang lebih ringan. Kadangkala di dalam kes-kes tertentu, faktor kepentingan awam mengatasi segala faktor mitigasi yang diberikan dari pengakuan salah tertuduh. Lord Lane CJ di dalam kes *Sharon Elizabeth Costen* (1989) 11 Cr App R (S) CA 182 telah menyatakan (di ms 184):

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence, should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.

Dalam kes di hadapan saya ini, tertuduh telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda. Pada pendapat saya, kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh adalah satu kesalahan yang serius. Tindakan tertuduh telah mengakibatkan satu nyawa yang amat berharga melayang. Dari fakta kes yang dikemukakan, saya mendapati wujud unsur-unsur kekerasan dan keganasan dalam kejadian malang ini. Tindakan tertuduh mengikat penghuni rumah tersebut merupakan satu tindakan yang menjadi faktor yang tidak boleh dipandang ringan. Saya juga mendapati dari fakta kes yang dikemukakan tidak ada keterangan untuk menunjukkan mangsa telah bertindak ganas atau menggunakan kekerasan ke atas tertuduh untuk membolehkan tertuduh bertindak sedemikian rupa. Namun demikian, saya tetap juga mengambil kira faktor-faktor mitigasi dalam kes ini seperti pengakuan salah tertuduh, tertuduh adalah pesalah pertama dan rayuan untuk meringankan hukuman yang telah dikemukakan oleh tertuduh.

Setelah semua faktor ini saya pertimbangkan, saya berpendapat satu hukuman penjara yang 'deterrent' patut dikenakan ke atas tertuduh berdasarkan kepada fakta dan keadaan dalam kes ini. Saya berpendapat dalam kes ini, faktor kepentingan awam perlu ditonjolkan agar hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja boleh memberi pengajaran kepada tertuduh tetapi juga mencegah anggota masyarakat yang lain dari melakukan kesalahan yang serupa. Berdasarkan faktor-faktor ini, saya menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh tangkap ke atas tertuduh.

Hukuman penjara 15 tahun dijatuhkan.

Dilaporkan oleh Benjamin Yong